

TEKS KHUTBAH GERHANA MATAHARI
MATAHARI DAN KEMUKJIZATAN AL QURAN
20 APRIL 2023 M / 29 RAMADAN 1444H (KHAMIS)

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ القائل:

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍ لَهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ^{٣٨}

Bermaksud: “Dan matahari itu, ia berlari di tempat yang ditetapkan baginya(orbitnya); itu adalah ketentuan Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui.” (Surah Yasin:38)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ، أَمَّا بَعْدُ: فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ³
أُووصِيكُمْ وَإِيَّاهُ يَبْتَقُوا اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya dan kepada diri sidang jemaah sekalian agar marilah kita bertakwa kepada Allah S.W.T dengan sebenar-benar takwa dengan melaksanakan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Ramadan kali ini mencetus keinsafan sejati dan menggantit Aidilfitri dengan penuh kesyukuran atas kejayaan menempuh Ramadan yang diberkati. Di saat gerhana matahari yang sedang berlaku dalam bulan Ramadan yang diturunkan di dalamnya al Quran, mimbar akan mengutarakan khutbah gerhana yang bertajuk:

“Matahari Dan Kemukjizatan Al Quran”

¹ Memuji Allah

² Selawat Nabi s.a.w

³ Pesanan takwa

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Bermula jam sebelas tiga belas minit (11:13) pagi ini bermulalah gerhana matahari separa. Bulan akan menutupi matahari. Fenomena ini dapat dilihat dengan menggunakan kaca mata khas atau penapis khas cahaya matahari. Kemuncak gerhana ialah pada jam 11:57 pagi dan akan berakhir pada jam 12:42 tengahari. Mimbar ingin menarik perhatian para jemaah sekalian kepada sebuah hadis Nabi S.A.W:

إِنَّ الشَّمْسَ وَالقَمَرَ آيَاتٍ اللَّهُ لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتٍ أَحَدٍ وَلَا حَيَاةٍ فَإِذَا رَأَيْتُمْ ذَلِكَ
فَادْعُوا اللَّهَ وَكُبِّرُوا وَتَصَدَّقُوا وَصَلُّوا

Bermaksud :Sesungguhnya matahari dan bulan itu dua tanda daripada tanda-tanda kebesaran Allah S.W.T. Gerhana itu bukan kerana mati atau hidupnya seseorang. Maka apabila kamu melihatnya maka berdoalah, bertakbirlah, bersedekahlah dan tunaikanlah solat gerhana.

(Riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan hadis ini, para ulama berpesan ketika berlakunya gerhana sempurnakanlah amalan-amalan berikut:

Pertama: Tunaikanlah solat sunat gerhana secara berjemaah di masjid.

Kedua: Perbanyak doa, takbir, istighfar dan taubat.

Ketiga: Perbanyak bersedekah.

Keempat: Jangan terpengaruh dengan perkara khurafat dan tasyul.

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan,

Matahari ialah makhluk Allah S.W.T yang unik. Matahari merupakan bintang terdekat dengan bumi dengan jarak lebih kurang seratus lima puluh juta (150,000,000) kilometer. Cahaya dari matahari memakan masa 8 minit untuk sampai ke Bumi. Matahari berputar selama 25 hari waktu di bumi. Medan magnet bumi dan lapisan ozon melindungi bumi daripada sinaran ultraungu dan inframerah daripada matahari. Matahari memberi banyak manfaat kepada kehidupan manusia di bumi bahkan manusia mungkin tidak dapat meneruskan kehidupan di bumi tanpa matahari. Lantaran pentingnya matahari kepada kehidupan manusia di bumi sehingga ada manusia yang mempertuhankan matahari. Menyembah matahari di saat terbitnya di waktu pagi. Kendati pun begitu, ingatlah, sehebat mana sekalipun makhluk ini ada ketikanya ia gerhana dek pergerakan bulan yang menutupinya sepertimana yang dapat kita saksikan pada saat ini. Gerhana yang berlaku seharusnya diinsafi bahawa ianya satu tanda kebesaran Allah s.w.t yang menciptanya dan mentadbir pergerakkannya.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Al-Quran ialah mukjizatan terbesar Nabi Muhammad S.A.W yang sarat dengan nilai-nilai kemukjizatan. Ilmu Kemukjizatan al-Quran ialah suatu ilmu yang membincangkan tentang kelebihan dan ketinggian al-Quran dari pelbagai aspek yang dapat melemahkan segala cabaran yang mencabar kebenaran al-Quran. Kemukjizatan al-Quran merujuk kepada dua perkara utama:

Pertama: Cabaran al-Quran terhadap golongan yang menentang kebenarannya supaya mendatangkan ayat-ayat seperti al-Quran.

Kedua: Keindahan, keunikan dan isyarat al-Quran yang merujuk kepada pelbagai bidang dan aspek sama ada bahasa, sains, bilangan, perubatan, ilmu alam dan lain-lain yang menjangkau pemikiran manusia.

Perkataan Matahari disebut di dalam al-Quran sebanyak 33 kali dengan dengan pelbagai gaya bahasa yang indah dan dengan pelbagai fakta ilmiah antaranya al-Quran menjelaskan tentang pergerakkan matahari dan bulan yang boleh dihitung dengan kiraan matematik. Anak bulan Ramadan yang akan dicerap pada petang ini (29 Ramadan) mengambil kira kiraan falak terhadap pergerakan matahari dan bulan. Al-Quran juga menjelaskan bahawa matahari, bulan dan bintang bergerak dengan kekuasaan Allah S.W.T. Matahari, bulan dan bintang ialah objek yang sentiasa beredar di atas orbitnya. Matahari juga ialah makhluk yang menyembah Allah S.W.T walaupun ada sebahagian manusia yang menyembah matahari seperti Kaum Saba. Allah S.W.T bersumpah dengan matahari bagi menyatakan keunikan dan kepentingan matahari kepada manusia namun, matahari yang sangat penting kepada kehidupan manusia satu hari nanti akan digulung di hari kiamat nanti.

Sidang jemaah sekalian,

Dalam suasana gerhana matahari yang sedang berlaku, mimbar ingin menarik perhatian jemaah sekalian kepada ayat al Quran yang dibaca di awal khutbah tadi yang mana ayat tersebut menjelaskan bahawa “matahari berlari di atasnya orbitnya”. Berdasarkan ayat tersebut mimbar ingin menjelaskan dua perkara:

Pertama: Ketinggian gaya bahasa dan fakta al Quran

Ayat “Matahari berlari di atas orbitnya” sangat bertepatan dengan fakta astronomi hari ini. pergerakan ‘berlari’ bermaksud sesuatu yang bergerak ke hadapan atau ke belakang dalam masa yang sama ia juga bergerak. Seperti seorang manusia, apabila ia berlari maka dirinya bergerak ke hadapan dalam masa yang sama kakinya juga akan bergerak ke atas dan ke bawah. Begitulah pergerakan matahari, di samping beredar di atas orbitnya ia juga berputar. Pihak NASA (pusat kajian astronomi) telah memuktamadkan fakta ini pada kurun yang lepas bahawa matahari beredar di atas paksinya dan dalam masa yang sama ia berputar.

Kedua: Kenyataan al Quran pasti benar dan tepat

Al Quran ialah sebuah kitab yang menjadi panduan dan pedoman kepada manusia. Ia diturunkan oleh Allah S.W.T. Semua kenyataan al Quran pasti benar. Di zaman sains dan teknologi masakini satu demi satu kenyataan al Quran terbukti kebenarannya termasuklah kenyataan berkaitan dengan “matahari berlari di atas orbitnya”. Tidak dinafikan kenyataan ini pernah disalah erti oleh sebahagian musuh Islam sehingga menimbulkan pelbagai tohmahan namun, ilmu kemukjizatan al-Quran telah membuktikan kebenarannya dengan ketinggian gaya bahasa al-Quran yang mesti diterokai dan dihalusi maknanya.

Sidang jemaah sekalian,

Kemukjizatan al-Quran dari sudut bahasa dan saintifik mengutarakan fakta yang tepat berkaitan dengan cahaya matahari dan cahaya bulan.

Firman Allah S.W.T:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ السِّنِينَ وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ
ذَلِكَ إِلَّا يَحْقِيقُ فَصْلُ الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Maksudnya: *Dialah yang menjadikan matahari bersinar dan bulan bercahaya dan ditetapkan-Nya manzilah-manzilah (tempat-tempat) bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan (waktu). Allah tidak menciptakan yang demikian itu melainkan dengan hak. Dia menjelaskan tanda-tanda (kebesaran-Nya) kepada orang-orang yang mengetahui* (Surah Yunus : 5)

Di zaman Rasulullah S.A.W belum diketahui tentang bagaimana matahari dan bulan bercahaya. Ketika itu belum dipastikan bagaimana cahaya dihasilkan. Mungkin ada yang menyatakan matahari, bintang dan bulan masing-masing mengeluarkan cahaya. Ketika itu tiada yang dapat membuktikan hakikat sebenar cahaya matahari dan cahaya bulan namun, al-Quran telah membezakan antara cahaya matahari dan cahaya bulan. Al-Quran menggunakan perkataan ضياءٌ bagi menjelaskan matahari yang yang mengeluarkan cahaya dan نوراً bagi menjelaskan bulan yang memantulkan cahaya.

Sidang jemaah sekalian,

Mengakhiri khutbah, mimbar ingin menarik perhatian muslimin dan muslimat sekalian kepada kesimpulan berikut:

1. Marilah kita memperbanyak istighfar dan bersedekah ketika berlakunya gerhana matahari pada tengahari ini.
2. Insafilah bahawa matahari ialah makhluk ciptaan Allah yang sangat penting kepada kehidupan manusia.

3.Illu Kemukjizatan al-Quran ialah ilmu yang sangat penting dalam dunia dakwah pada hari ini. Ia mengisyaratkan fakta-fakta penting tentang matahari yang terbukti kebenarannya dalam zaman sains dan teknologi masa kini.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي
وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَفُؤُلُّ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ رَبِّنَا مُحَمَّدًا أَنْ يَسْأَلَنَا أَنْ نَعْبُدَهُ وَأَنْ نَسْتَغْفِرَ لَهُ وَأَنْ نَشْهُدَ أَنَّهُ أَنْ شَرِيكٌ لَهُ وَأَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ : فَيَا عِبَادَ اللَّهِ إِتْقُوا اللَّهَ⁶ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ .

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar kita tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabi'in. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Kekalkanlah persuadaraan sesama muslimin. Makmurkanlah rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutamanya solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ⁵ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ .
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ⁷ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَاصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ
وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ وَتَبَّعُهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ^{صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ} .
اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ عَنْ بَلِدِنَا هَذَا
خَاصَّةً وَعَنْ سَائِرِ بُلْدَانِ عَامَّةً .

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Doa untuk kaum muslimin

Ya Rahman Ya Ghaffar, ampunkanlah dosa kami, dosa kedua ibu bapa kami, dosa guru guru kami, dosa insan yang berjasa kepada kami, dosa muslimin dan muslimat keseluruhannya. Terimalah istighfar kami di saat gerhana di bulan Ramadan ini. Temukanlah kami dangan Lailatul qadar. Mustajabkanlah segala doa dan permintaan kami.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bukakanlah pintu hati kami untuk beristiqamah dan terus menghayati dan merenung segala fenomena alam yang berlaku sepetimana fenomena gerhana matahari pada tengahari ini. Jadikanlah kami dari kalangan hambamu yang mendapat petunjuk, taufik dan hidayah dariMu. Hitungkanlah kami dari kalangan hambaMu yang akan mengecapi nikmat rahmat dan syurgaMu

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

عِبَادُ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.